

FELCRA PERKUKUH TADBIR URUS DAN INTEGRITI MELALUI PENAMBAHBAIKAN MENYELURUH SUSULAN SYOR PAC

KUALA LUMPUR, 16 Julai 2026 – FELCRA Berhad mengambil maklum teguran serta menghormati syor yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berkaitan pengurusan perolehan ladang sawit.

Pada masa yang sama, FELCRA menghargai pengiktirafan PAC terhadap langkah-langkah penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh syarikat, khususnya dalam memperkemas proses perolehan serta meningkatkan tahap penelitian sebelum sesuatu keputusan pelaburan dibuat.

Antara langkah tersebut adalah memperkukuh Prosedur Operasi Standard perolehan tanah, mewajibkan penilaian daya maju oleh perunding bebas serta memperketat pemantauan di peringkat pengurusan dan Lembaga Pengarah.

Setiap keputusan yang dibuat akan terus berpaksikan prinsip pengurusan yang berhemah, tatakelola yang kukuh, integriti serta keutamaan terhadap kepentingan peserta. Di samping itu, FELCRA akan terus memberikan kerjasama penuh kepada PAC dalam pemantauan pelaksanaan syor dan tindakan penambahbaikan yang berkaitan.

Kini, FELCRA memberikan tumpuan menyeluruh kepada pemerkasaan pengurusan lebih 230,000 hektar ladang di bawah kendaliannya, di samping meneruskan inisiatif keterjaminan makanan selaras dengan peranannya dalam pembangunan ekonomi luar bandar dan kesejahteraan peserta.

FELCRA juga akan terus bekerjasama erat dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), selaku kementerian yang mengawal selia FELCRA, bagi memastikan setiap tindakan susulan dilaksanakan secara berkesan, telus dan berintegriti, dengan mengambil kira kepentingan organisasi serta peserta.

FELCRA percaya bahawa teguran, pemantauan dan syor yang membina merupakan sebahagian daripada proses penambahbaikan yang akan menjadikan organisasi lebih kukuh, berakauntabiliti dan berdaya tahan dalam melaksanakan amanah kepada peserta, masyarakat luar bandar dan negara.

Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat
FELCRA Berhad
Tel: 03-4145 5440